

Timbalan PM pulang dari Amerika Sabtu ini

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan menarik pelaburan Amerika Syarikat ke sini, akan pulang ke tanahair pada malam hari Sabtu ini.

Dalam lawatan tersebut, Dato Seri Dr. Mahathir telah mengadakan beberapa perbincangan dengan sektor awam dan swasta di Amerika Syarikat dan menerangkan berbagai prospek serta potensi pelaburan di Malaysia.

Beliau juga menawarkan Malaysia sebagai negara persaingan kepada pengusaha-pengusaha Amerika Syarikat di samping menawarkan kemudahan-kemudahan lain.

Antara kejayaan yang dicapai setakat ini ialah kesediaan pemodal Amerika melabur untuk projek aluminium di Sarawak bernilai \$2,400 juta.

Dalam siri seminar pelaburan yang diadakan, sambutan yang diberikan juga di luar dugaan dan lawatan Timbalan Perdana Menteri itu disifatkan sebagai amat berjaya.